



**TEKS UCAPAN
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR
DAN WILAYAH**

YB DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB

**MAJLIS PENUTUP
PROGRAM SIJIL TADBIR URUS DESA INFRA-UniKL
ZON UTARA**

18 Mei 2017 (Khamis)

TH Convention Centre, Alor Setar, Kedah

**BISMILLAHIRRAHMAANIRRAHIIM
ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLHI WABARAKAATUH
SALAM SEJAHTERA DAN SALAM NEGARAKU MALAYSIA**

**Yang Berhormat Dato' Mohd Tajuddin bin Abdullah
Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Luar Bandar,
Pembasmian Kemiskinan Negeri Kedah**

**Yang Berbahagia Dato' Rubiyah binti Abd Rahman
Pengarah Institut Kemajuan Desa (INFRA)**

**Setiausaha-Setiausaha Bahagian, Pengurus-Pengurus Besar Agensi dan
Ketua-Ketua Jabatan serta Agensi KKLW**

**Pegawai-Pegawai Daerah
Pegawai-Pegawai Kanan dan Pegawai-Pegawai Agensi**

**Penghulu dan Kepimpinan JKKK dari Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang
serta Para Hadirin sekalian.**

Alhamdulillah, saya memanjat setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmatNya jua, maka kita dapat berada dalam Majlis Penutup Program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniKL peringkat Zon Utara.

2. Saya difahamkan pada hari ini seramai **1,200** orang kepimpinan JKKK dari negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang termasuk kepimpinan JKKK masyarakat Orang Asli yang berada dalam dewan ini telah pun selesai mengikuti latihan Sijil Tadbir Urus Desa bermula pada 16 Mei 2017. Program tiga (3) hari ini diharap dapat membantu tuan/puan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.

Perubahan Ke Arah Tadbir Urus Desa Yang Efisien

3. Sebagai pemimpin, kita perlu sentiasa bersedia untuk menerima apa jua perubahan yang berfaedah sama ada berbentuk ilmu pengetahuan, sosio ekonomi, pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Pada hemat saya, pelaksanaan Sijil Tadbir Urus Desa kepada pemimpin JKKK adalah satu bentuk perubahan yang sangat penting untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tadbir urus desa ke tahap yang lebih profesional.

4. Atas prinsip ini, Kementerian telah menerima kepimpinan JKKK sebagai satu institusi yang sangat penting untuk kemajuan desa dan memperkukuhkan dasar kerajaan di peringkat akar umbi. Sehubungan itu, agenda pemerkasaan JKKK ini telah dimasukkan sebagai inisiatif penting dalam Transformasi Luar Bandar yang telah dilancarkan oleh Kementerian pada 20 November 2015.

5. Kementerian juga telah memperkenalkan beberapa inisiatif lain dalam usaha mempertingkatkan daya saing institusi JKKK antaranya penyediaan Tatacara Pengurusan JKKK Versi 2. Dokumen ini telah dilancarkan oleh YB Menteri pada 27 April 2017 yang lalu semasa menyempurnakan Majlis Penutup Program Sijil Tadbir Urus Desa Peringkat Zon Timur. Langkah proaktif ini bertujuan untuk memantapkan kepimpinan JKKK dengan tatacara pengurusan yang seragam dan terkini. Ia juga menjadi pelengkap kepada pengetahuan dan kemahiran tadbir urus desa yang telah tuan-tuan dan puan-puan pelajari dalam program latihan bertaraf sijil ini.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

Amalan Tadbir Urus Desa Yang Baik

6. Selain mengadaptasi perubahan dalam tatacara pengurusan institusi, kita juga perlu bersedia dari sekarang untuk menguasai pelbagai pengetahuan dan kemahiran bagi mendepani cabaran sosio ekonomi akan datang. Perubahan ini termasuklah penggunaan teknologi baharu dalam aspek telekomunikasi, sistem penyampaian, penghasilan produk, kaedah pemasaran dan sebagainya.

7. Justeru, saya menyarankan agar institusi JKKK bersedia untuk mengamalkan sistem kerja yang lebih baik. Kementerian menjangkakan amalan tadbir urus desa akan turut berubah sejajar dengan perubahan semasa. Antara **Amalan Tadbir Urus Desa Yang Baik** adalah:

- i. Berasaskan pengetahuan dan kemahiran
- ii. Amalan kerja cekap dan berkesan
- iii. Bertanggungjawab
- iv. Bermuafakat dan kerjasama
- v. Berwawasan dan bersedia hadapi cabaran
- vi. Bermaklumat dan berkomunikasi
- vii. Amalan keterangkuman (inklusif)
- viii. Bijaksana mengurus sumber
- ix. Berprinsip dari segi peraturan dan amanah

8. Tadbir urus desa yang baik adalah prasyarat kepada kesinambungan hayat desa yang lestari, sejahtera, selamat dan berdaya maju. Segala potensi yang ada di desa terutama sumber manusia dan alam perlu dibangunkan untuk kemajuan desa dan komuniti. Desa berdaya saing mampu menarik pelaburan ekonomi dan meningkatkan industri pelancongan desa tanpa merubah identiti budaya.

Desa Digital Menjelang 2050

9. Mengambil kira perubahan yang terus berlaku dalam persekitaran dunia, Kementerian berhasrat menjelang tahun 2050 semua sistem tadbir urus desa akan beranjak kepada persekitaran teknologi dan digital. Untuk itu, Kementerian bercadang mewujudkan Desa Digital pada tahun 2050 supaya sistem tadbir urus desa dilengkapi dengan prasarana teknologi maklumat yang moden, lengkap dan menyeluruh. Ini adalah antara agenda masa depan yang akan kita hadapi selaras dengan Transformasi Nasional 2050 yang diilhamkan oleh YAB Perdana Menteri.

10. Kementerian yakin institusi JKKK boleh mencorakkan hala tuju pembangunan desa ke tahap yang lebih berdaya saing pada masa akan datang. Komitmen tuan-tuan dan puan-puan menghadiri program latihan ini adalah langkah awal ke arah perubahan masa depan diri, masyarakat, desa dan negara yang progresif serta berdaya maju.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian

JKKK Penghubung Kerajaan Dan Rakyat

11. Kementerian amat menghargai khidmat bakti JKKK kepada masyarakat dan negara. Sebab itu, kita sentiasa menjalinkan hubungan yang baik dengan institusi JKKK. Prinsip ini adalah peranan teras JKKK sejak ia diwujudkan bersama pewujudan kampung-kampung mengikut warta negeri. Peranan penghubung secara teratur adalah kaedah terbaik untuk institusi akar umbi mendekati agensi dan jabatan kerajaan.

12. Interaksi ini adalah sebagai laluan untuk membawa masuk projek pembangunan ke luar bandar. Peranan ini wajar diteruskan kerana rakyat masih memerlukan pembangunan yang disediakan oleh kerajaan. Justeru, projek-projek pembangunan luar bandar yang disediakan oleh Kementerian dan Agensi KKLW akan diteruskan untuk manfaat rakyat luar bandar. Pada masa yang sama, institusi JKKK perlu mengambil peduli mengenai perkembangan semasa yang berlaku terutama berkaitan isu-isu pembangunan dan kemasyarakatan di kampung masing-masing.

Kerjasama Pentadbiran Negeri dan Daerah

13. Bagi menjayakan program-program pembangunan luar bandar, Kementerian akan terus bekerjasama dan memperkukuhkan hubungan dengan pentadbiran

negeri serta daerah. Kementerian sememangnya sentiasa meletakkan kepentingan rakyat sebagai agenda utama pembangunan.

14. Hubungan baik antara rakyat dan pemimpin adalah prinsip kenegaraan yang perlu dipertahankan. Sehubungan itu, rakyat perlu menyokong segala dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan. JKKK selaku pemimpin dan jentera kerajaan di peringkat akar umbi, perlu memberi kefahaman ini kepada semua ahli kariah masing-masing.

Cabaran Diaspora Luar Bandar Ke Bandar

15. Unjuran penduduk luar bandar tahun 2017 adalah seramai **7.6 juta** orang daripada **31.27 juta** penduduk Malaysia. Jumlah penduduk luar bandar akan terus berkurangan jika semakin ramai yang keluar dan berhijrah ke bandar kerana faktor sumber ekonomi. Untuk menangani isu ini, kita perlu melihat keperluan menjadikan desa sebagai destinasi baharu peluang pekerjaan dan sumber pendapatan pada masa akan datang.

16. Semua pihak perlu bekerjasama untuk merapatkan jurang kemajuan luar bandar dan bandar. Kementerian melalui agensi dan jabatannya sentiasa mencari inisiatif untuk menjadikan desa destinasi yang menarik dan berdaya saing dalam bidang sosioekonomi. Ia bertujuan memberi manfaat kepada masyarakat termasuk golongan belia.

17. Kini, kementerian meningkatkan lagi bidang-bidang sosioekonomi kepada generasi muda seperti keusahawanan belia luar bandar, rumah generasi kedua, prasarana luar bandar dan kesedaran perniagaan dalam kalangan graduan universiti berasal dari luar bandar. Kementerian baru-baru ini telah melancarkan program Usahawan Belia Pengajian Tinggi Balik Kampung atau dikenali sebagai **U2Desa**. Melalui program ini, graduan universiti yang berasal dari kampung akan pulang dan memberi sumbangan idea serta kepakaran melalui kerjasama dengan kepimpinan JKKK bagi memajukan kampung masing-masing.

18. Kementerian juga telah melancarkan aplikasi *Rural Tourism@KKLW* bertujuan untuk mempromosi pelancongan desa melalui anak-anak syarikat agensi. Komuniti desa boleh mengambil peluang untuk memanipulasi sumber tempatan sedia ada yang berpotensi untuk dipromosikan sebagai produk pelancongan desa. Ia adalah antara inisiatif penjana pendapatan melalui sumber ekonomi baharu luar bandar.

19. Semua usaha yang dilakukan oleh kementerian adalah bertujuan untuk melonjakkan lagi desa ke tahap lebih kompetitif dari segi ekonomi dan taraf hidup rakyat. Ia adalah sejajar dengan komitmen negara di bawah Program Transformasi Kerajaan bagi meningkatkan pertumbuhan sosio ekonomi rakyat.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

Harapan dan Keyakinan

20. Saya yakin kepimpinan JKKK akan terus memberi komitmen yang tinggi untuk membantu kerajaan menjayakan pembangunan luar bandar. Di kesempatan ini, saya memohon agar tuan-tuan dan puan-puan akan terus memberi sokongan padu kepada kepimpinan YAB Perdana Menteri untuk memastikan setiap aspirasi yang dihasratkan akan menjadi kenyataan demi kesejahteraan rakyat.

21. Sebelum mengakhiri ucapan, saya merakamkan ucapan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan yang telah berjaya mengikuti program Sijil Tadbir Urus Desa INFRA-UniKL anjuran Kementerian ini. Saya juga mengucapkan setinggi terima kasih kepada INFRA dan UniKL atas komitmen penuh dalam menjayakan pelaksanaan program Sijil Tadbir Urus Desa ini. Mudah-mudahan usaha ini diberkati dan direndahkan oleh Allah SWT.

Sekian, **Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Terima kasih.